

SOALAN NO. 182

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 07 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Dr. Mansor Bin Abd Rahman [Sik] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah yang diambil untuk membantu ibu tunggal daripada segi menambah pendapatan mereka. Apakah bantuan yang diberikan jikalau seorang ibu tunggal ingin menjadi usahawan kecil.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan secara amnya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara khususnya amat komited dalam usaha-usaha untuk membantu golongan ibu tunggal bagi menjamin nasib mereka terus terjamin.

Antara bantuan yang diperuntukan bagi golongan ini adalah:

1. Bantuan Pakej Perniagaan;

1.1 Program 1AZAM;

1.1.1. Azam Niaga;

1.1.2. Azam Khidmat;

1.1.3. Azam Kerja;

1.1.4. Azam Tani;

2. Bantuan Latihan dan Perkembangan Perniagaan:
 - 2.1. Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT);
 - 2.2. Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita);
 - 2.3. Program Bazaar Wanita;
- Sebagai menyahut saranan kerajaan dan usaha Kementerian untuk mengoptimumkan sumber, pihak Kementerian, secara usahasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bercadang untuk mewujudkan *One Source Referral Centre*, di mana *Referral Centre* ini akan memainkan peranan sebagai pusat informasi serta khidmat nasihat kepada para usahawan dan juga golongan ibu tunggal, untuk mendapatkan maklumat mengenai kaedah permohonan serta bagi sumber-sumber dana yang boleh dimohon bagi tujuan permulaan perniagaan dan kesejahteraan hidup. Untuk tujuan ini, Kementerian, bersama INSKEN, akan melatih pegawai-pegawai yang sedia ada melalui Kursus Bis Fasilitator dan Kursus Bis Kaunselor untuk menjadi agen penasihat dan perunding kepada golongan usahawan ini.

Satu lagi program yang akan diadakan bersama INSKEN adalah Program Peningkatan Kapasiti Usahawan, yang mana program ini dirumus khas untuk usahawan-usahawan daripada kumpulan sasar Kementerian, yang juga merangkumi ibu tunggal, yang telah memulakan perniagaan. Di mana

golongan usahawan ini akan diberikan tunjuk ajar serta bimbingan bagi mengembangkan perniagaan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi sekaligus meningkatkan tahap sosio-ekonomi golongan ini. Melalui kerjasama ini, pihak Kementerian dan agensi akan memainkan peranan sebagai pemberi bantuan pada peringkat permulaan dan pegawai-pegawai yang telah dilatih pula akan memainkan peranan sebagai fasilitator dan penghubung dengan pihak/agensi lain seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan INSKEN.